

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	<b>TAJUK</b>	<b>AGENDA KAWAL PELEPASAN KARBON GLOBAL PERLU DITERUSKAN TANPA AS</b>
	<b>SUMBER</b>	<b>BH (28 JANUARI 2024)</b>
	<b>BIDANG PERKARA/SUBJEK</b>	<b>ALAM SEKITAR</b>
	<b>MUKA SURAT/RUANGAN</b>	<b>12 (RENCANA)</b>

12
Rencana
Selasa, 28 Januari 2024

# Agenda kawal pelepasan karbon global perlu diteruskan tanpa AS

Pelepasan karbon global meningkat secara konsisten selama beberapa dekad, akibat aktiviti manusia tidak kira sama ada Amerika Syarikat (AS) menyertai Perjanjian Paris 2015 atau tidak

- Data sejarah membuktikan peningkatan pelepasan karbon global adalah masalah sistemik yang tidak bergantung hanya pada penyertaan AS dalam Perjanjian Paris



**Oleh Prof Madya Dr Azlin Mohd Azmi**  
[ahrencana@bh.com.my](mailto:ahrencana@bh.com.my)

Masyarakat global hari ini sekadar mampu melihat tindakan Donald Trump untuk menarik Amerika Syarikat (AS) keluar daripada Perjanjian Paris 2015 sebagai diisytiharkan sebagai Presiden kali kedua.

Ini juga langkah diambil Trump selepas menarik AS daripada perjanjian itu pada 2020 sambil menegaskan perjanjian berkenaan tidak adil kepada ekonomi AS dan menghalang pertumbuhan sektor tenaga fosil di negara itu.

Ketika berang pada minggu pelantikanannya, Trump berkata beliau akan lebih memberi fokus kepada pengeluaran dan penggunaan bahan bakar fosil serta memanfaatkan sumber minyak dan gas yang banyak dimiliki AS.

Perjanjian negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dimeterai pada 2015 adalah persetujuan antarabangsa bertujuan mengekang

dan mengawal kenaikan suhu global di bawah 2 darjah Celsius atau idealnya 1.5 darjah Celsius, berbanding era pra-industri sekitar 1900.

Ini adalah kerjasama global untuk mengurangkan pelepasan karbon dan meningkatkan daya tahan dunia terhadap impak perubahan iklim. Maka, langkah Trump itu dilihat sebagai satu tamparan besar terhadap usaha mitigasi global kerana AS adalah antara penyumbang utama pelepasan karbon dunia.

Tindakan Trump ini menyertai kritikan meluas pada peringkat antarabangsa dengan kebimbangan akan melemahkan usaha menangani kesan perubahan iklim.

Sejarah AS dalam lanskap iklim menunjukkan corak tidak konsisten. AS menandatangani perjanjian itu pada Disember 2015. Namun, era Trump membawa AS keluar pada 2020. AS kembali menyertai semula perjanjian itu di bawah

pendaftaran Presiden Joe Biden pada 2021.

Walaupun begitu, pelepasan karbon AS tidak turun secara signifikan. Pelepasan karbon AS setiap tahun, menunjukkan pola turun naik sepanjang keluar dan masuk Perjanjian Paris.

Di samping penarikan diri pada peringkat persekutuan, negeri, bandar dan sektor swasta di seluruh AS masih terus memacu tindakan iklim ke hadapan melalui akta, dasar pakatan dan ikrar iklim.

**Peningkatan secara konsisten**

Secara umumnya, pelepasan karbon global meningkat secara konsisten selama beberapa dekad, akibat aktiviti manusia seperti pembakaran bahan api fosil, penanaman hutan dan urbanisasi. Tidak kira sama ada AS menyertai perjanjian itu atau tidak.

Peningkatan ini menyumbang kepada krisis perubahan iklim mengakibatkan bencana alam luar biasa seperti banjir besar, gelombang haba dan kemarau semakin kerap serta 'panas'. Data menunjukkan pelepasan karbon global mencapai

rekod tertinggi tahun demi tahun walaupun selepas Perjanjian Paris ditandatangani.

Memarat laporan Global Carbon Budget pada tahun lalu, pelepasan karbon daripada bahan api fosil dan industri meningkat daripada sekitar 35 bilion tan pada 2015 kepada 38 bilion tan pada 2023.

Laporan terkini *Global Carbon Change Server (GCSI)*, sebuah inisiatif di bawah Kemajuan Eropah (EU) mendedahkan suhu global kini melebihi 1.5 darjah Celsius di atas paras pra-industri buat kali pertama dalam sejarah moden. Suhu purata global pula lagi tempoh 2014 hingga 2024 lebih tinggi berbanding mana-mana dekad sebelumnya.

Tertaruk, dunia dikejutkan dengan insiden kebakaran hutan besar-besaran melanda Los Angeles, diperparui oleh gabungan kombinasi faktor gelombang haba, angin kencang dan keadaan kering akibat perubahan iklim.

Kebakaran ini menyebabkan 28 kematian dan memusnahkan lebih 15,000 struktur dan memusnahkan lebih 16,000 hektar tanah.

Laporan Risiko Global 2025 oleh Forum Ekonomi Dunia (WFP) pula mengenal pasti beberapa cabaran utama dunia, diringkaskan dengan akronim ABCD, dengan C mewakili 'Climate Change'.

Kesan perubahan iklim meningkatkan ketidakpastian dan intensiti bencana alam, menjadi risiko utama jangka pendek dan jangka panjang bencana alam yang jelas sekali merujuk kepada kehidupan manusia moden dan mengugat ekonomi global.

Data sejarah membuktikan peningkatan pelepasan karbon global adalah masalah sistemik yang tidak bergantung hanya pada penyertaan AS dalam Perjanjian Paris.

Walaupun komitmen AS penting, usaha untuk menangani perubahan iklim memerlukan transformasi ekonomi global lebih mendalam dan bukan hanya jadi politik. Tanpa mekanisme penguatkuasaan ketat dalam perjanjian ini, ia banyak bergantung kepada komitmen sukarela negara pengiktiraf dan menyertai perjanjian itu.

Negara di dunia perlu meningkatkan Sumbangan Ditentukan Negara (NDC) iaitu ikrar menjangka iklim untuk mencapai sasaran lebih tinggi. Teknologi dan pelaburan tenaga bersih perlu menjadi tulang belakang pembangunan ekonomi global.

Negara maju mempunyai sumber lebih banyak untuk melaksanakan tindakan pengurangan pelepasan karbon, manakala negara membangun, seperti Malaysia menghadapi cabaran kewangan dan teknikal dalam pelaksanaan komitmen mereka.

Dalam hal ini, negara maju perlu memberikan sokongan kewangan dan teknikal kepada negara membangun untuk melaksanakan tindakan iklim berkesan dan mampan. Ini memerlukan usaha kolektif dan mendesak semua negara di dunia.

Perjanjian Paris 2015 adalah langkah penting dalam usaha global untuk mengatasi perubahan iklim. Walaupun terdapat cabaran besar dalam melaksanakannya, ia memberi peluang untuk transformasi ekonomi dan peningkatan kerjasama antarabangsa ke arah mewujudkan kehidupan lebih mampan serta sihat.

**Negara maju perlu memberikan sokongan kewangan dan teknikal kepada negara membangun untuk melaksanakan tindakan iklim berkesan dan mampan. Ini memerlukan usaha kolektif dan mendesak semua negara di dunia**



Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi  
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor**